

17 NOV 1997

LEAD Mahathir-Chirac

PERANCIS SOKONG ADAKAN ATURAN BAGI PERDAGANGAN MATA WANG

LANGKAWI, 17 Nov (Bernama) -- Cadangan Malaysia supaya diwujudkan peraturan bagi perdagangan mata wang untuk mengelakkan ekonomi negara-negara daripada dirosakkan oleh spekulator hari ini mendapat sokongan kuat Presiden Perancis Jacques Chirac.

Chirac, yang telah mengadakan rundingan tidak rasmi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, berkata urusan niaga mata wang memerlukan peraturan bagi membolehkan negara-negara mendapat manfaat daripada aspek positifnya.

"Spekulasi yang berlebihan oleh sesetengah pihak perlu dikawal. Ini bermakna peraturan hendaklah diperolehi bagi mengelakkan amalan ikut suka demi kepentingan semua orang terutamanya yang miskin di dunia," kata Chirac yang mengadakan lawatan semalaman di pulau peranginan ini, yang sekali gus menjadikan beliau Presiden Perancis yang pertama melawat Malaysia.

Pada persidangan media bersama dengan Dr Mahathir selepas rundingan itu, Chirac, yang merupakan pemimpin pertama Kumpulan Tujuh negara perindustrian (G7) untuk menyokong cadangan itu berkata: "Apa yang harus kita lakukan ialah mengelakkan anarki."

Mata wang beberapa negara di Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand telah jatuh nilainya dengan ke paras terendah sejak Julai lepas akibat spekulasi yang berlebihan.

Chirac juga melahirkan keyakinan penuhnya kepada masa depan ekonomi Asia Tenggara, terutama Malaysia.

"Saya telah membayangkan kepada Perdana Menteri bahawa walau apa pun akibat buruk daripada turun naiknya nilai mata wang daripada segi ekonomi dan sosial, saya menganggap ia tidaklah sehingga menimbulkan keraguan terhadap kemampuan pertumbuhan Asia Tenggara."

Chirac juga bersependapat dengan Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus bahawa Malaysia tidak memerlukan bantuan luar, dan walaupun terjejas akibat masalah jiran-jirannya, Malaysia terbukti tidak menghadapi keadaan meruncing.

Beliau bersetuju dengan Camdessus bahawa satu kajian perlu dijalankan berasaskan kepada cadangan Malaysia tentang bagaimana pedagang mata wang perlu menjalankan aktiviti mereka.

"Tidak syak lagi sesuatu perlu dilakukan," kata beliau.

Dr Mahathir, yang kelihatan gembira dengan kenyataan Chirac itu, berkata bahawa beliau telah menerangkan secara terperinci mengenai akibat urusan niaga mata wang yang tidak terkawal terhadap rantau ini.

"Saya berharap kerjasama antara IMF, Malaysia dan negara-negara lain akan dapat mengawalinya (spekulasi mata wang)," kata Chirac, yang sebelum ini berada di Hanoi untuk menghadiri satu persidangan bagi negara-negara yang mempunyai penduduk berbahasa Perancis.

Beliau berkata berkata Perancis berhasrat meningkatkan kerjasama perindustrian dengan Malaysia dalam projek sivil atau ketenteraan.

"Saya memberitahu Dr Mahathir bahawa kami ingin mengukuhkan kerjasama perindustrian termasuk mengeluarkan produk sivil atau ketenteraan," katanya.

Chirac berkata walaupun hubungan politik antara Malaysia dan Perancis baik, kerjasama kedua-dua negara dalam bidang ekonomi boleh dipertingkatkan lagi.

Terdapat 235 syarikat Perancis yang sedang beroperasi di Malaysia dan bilangan itu semakin bertambah, katanya.

Beliau berkata Perancis dan Eropah berharap untuk meningkatkan hubungan dengan Asia dan secara meluas lagi, melibatkan segi tiga Asia-Eropah-Amerika Syarikat.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita itu bahawa lawatan Chirac ke Malaysia telah meletakkan hubungan kedua-dua negara di paras baru.

"Kita semakin dekat serta saling memahami dan saling menyokong. Hubungan yang kukuh akan memberikan hasil lebih baik," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan melakukan sedaya upaya ke arah menjadikan hubungan ini bermakna dan membuahkan hasil.

Perdana Menteri berkata beliau gembira dengan keyakinan Perancis terhadap pengurusan ekonomi Malaysia yang akan membolehkan negara ini pulih daripada masalah kewangannya.

Katanya komitmen Perancis yang lain terhadap Malaysia termasuk penyertaannya dalam pengajaran bahasa Perancis di negara ini, pemindahan teknologi kepada Malaysia dan pelaburan dalam Koridor Raya Multimedia.

Katanya beliau telah menjelaskan kepada Chirac bahawa mulai sekarang, terpulang kepada Malaysia, Kumpulan 15 negara membangun (G15) dan ASEAN untuk menghalusi serta menyokong atau mengubah suai cadangan Malaysia kepada IMF berhubung peraturan untuk mengawal selia urusan niaga mata wang.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah menjelaskan dengan terperinci kepada Chirac mengenai apa yang berlaku kepada negara-negara Asia Tenggara dan perlunya kawalan terhadap amalan peniaga-peniaga mata wang.

Beliau turut menyatakan perkara serupa kepada Camdessus mengenai keperluan mewujudkan peraturan bagi memastikan urusan niaga sedemikian tidak akan menggugat kedudukan negara-negara membangun.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu Chirac bahawa G15 perlu diwakili pada mesyuarat Kumpulan Tujuh Negara Maju (G7) ketika masalah kewangan Asia Tenggara dan negara-negara membangun dibincangkan dan ini diakui oleh pemimpin Perancis itu.

Chirac pula berkata Perancis berpendirian bahawa sukar untuk berbincang mengenai kewangan antarabangsa dan masalah kewangan dunia tanpa mempunyai wakil dari kumpulan penting seperti Asia terutama Asia Tenggara.

Ketika ditanya mengenai usaha sama yang melibatkan Petronas dan Total SA dari Perancis dalam projek medan gas di Iran, beliau berharap kedua-dua syarikat minyak itu akan meluaskan lagi kerjasama mereka yang setakat ini begitu baik.

Petronas dan Total SA bersama Gazprom dari Rusia terlibat dalam projek bernilai US\$2 bilion untuk memajukan sebahagian daripada medan gas South Pars di Iran.

Urusan itu bagaimanapun sedang disiasat oleh Amerika Syarikat yang mendakwa ia melanggar Akta Sekatan Iran-Libya yang membolehkan Washington mengenakan sekatan terhadap syarikat atau negara yang mengurus niaga dengan Iran dan Libya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Perancis mempunyai pendirian serupa berhubung isu itu iaitu membantah sesebuah negara membuat keputusan mengenai negara mana yang mereka boleh atau tidak mengurus niaga.

"Ini bukan peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia tetapi semata-mata keputusan sebuah negara," katanya. --BERNAMA

ARA MAM MAI